

٦٠٦- حَدَّثَنَا مُحَمَّدٌ هُوَ ابْنُ سَلَامٍ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ الْوَهَّابِ الثَّقَفِيُّ قَالَ أَخْبَرَنَا خَالِدُ الْحَذَّاءُ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ لَمَّا كَثُرَ النَّاسُ قَالَ ذَكِّرُوا أَنْ يَعْلَمُوا وَقْتُ الصَّلَاةِ بِشَيْءٍ يَعْرِفُونَهُ فَذَكَّرُوا أَنْ يُورُوا نَارًا أَوْ يَضْرِبُوا نَاقُوسًا فَأَمَرَ بِلَالٌ أَنْ يَشْفَعَ الْأَذَانَ وَأَنْ يُؤْتِيَ الْإِقَامَةَ

606- Muhammad -iaitu Ibnu Salam- meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdul Wahhaab Ats-Tsaqafi meriwayatkan kepada kami, katanya: Khalid Al-Hazaa' meriwayatkan kepada kami daripada Abi Qilaabah daripada Anas bin Malik, kata beliau: "Ketika orang sudah ramai (yang masuk Islam), ada yang mengusulkan cara memberitahu masuknya waktu shalat dengan sesuatu yang mereka dapat mengetahuinya. Maka ada yang mengusulkan agar diyalakan api dan ada juga yang mengusulkan agar dipukul kertuk. Akhirnya Bilal diperintahkan agar mengumandangkan kalimat azan dengan genap (dua-dua kali) dan menggajilkan iqamat."

٣- بَابُ الْإِقَامَةِ وَاحِدَةً إِلَّا قَوْلَهُ قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ

3- Bab Iqamah Satu-Satu Kali Kecuali Ucapan "Qad Qaamatish Shalah".¹¹⁵²

والإقامة Bermaksud: Azan Rasulullah s.a.w. dua-dua kali. Dalam azan dan iqamat. (Hadits riwayat Abu Daud, Tirmizi dan ad-Daaraquthni). Hadits ini dha'if sanadnya. (2) Hadits Abi Mahzurah. Beliau menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. mengajarnya azan sebanyak 19 kalimat dan iqamat sebanyak 17 kalimat. (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Hibbaan, at-Thabaraani dan lain-lain). (3) Atsar al-Aswad bahawa Bilal mengucapkan kalimat azan dan iqamat sebanyak dua-dua kali. (Atsar riwayat 'Abdur Razzaaq, Thahaawi dan Daaraquthni). Syafi'e dan Ahmad berpegang dengan hadits-hadits berikut: (1) Hadits 605 dan 606 yang diriwayatkan oleh Bukhari di atas. Muslim, Ibnu Khuzaimah, Abu Daud, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan dan lain-lain juga turut meriwayatkannya. (2) Hadits Ibnu 'Umar, kata beliau: إِنَّمَا كَانَ الْأَذَانُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - مَرَّتَيْنِ مَرَّتَيْنِ وَالْإِقَامَةُ مَرَّةً مَرَّةً غَيْرَ أَنَّهُ يَقُولُ قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ Bermaksud: Azan semasa Rasulullah s.a.w. (diucapkan kalimat-kalimatnya) dua-dua kali. Iqamat pula sekali-sekali. Cuma mu'azzin mengucapkan قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ (dua kali). (Hadits riwayat Abu Daud, Ahmad, ad-Daaraquthni, al-Haakim, al-Baihaqi dan lain-lain). Imam Malik menganggap إِلَّا الْإِقَامَةَ di dalam hadits Anas di atas sebagai mudraj (sisipan perawi). Sedangkan kebanyakan 'ulama' hadits, termasuk Imam Bukhari pula menganggapnya sebagai sebahagian daripada sabda Rasulullah s.a.w.

¹¹⁵² Tajuk bab ini juga mengandungi dua maksud Bukhari. (1) Ia merupakan tarjamah syarihah. Maksudnya ialah mentafsirkan perkataan الْإِقَامَةُ أَنَّ يُؤْتِيَ الْإِقَامَةَ (menggajilkan iqamat) yang diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada Bilal. Apakah yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan

٦٠٧ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ حَدَّثَنَا خَالِدٌ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ أَمَرَ بِلَالٌ أَنْ يَشْفَعَ الْأَذَانَ وَأَنْ يُؤْتَرَ الْإِقَامَةَ.

قَالَ إِسْمَاعِيلُ فَذَكَرْتُ لِأَيُّوبَ فَقَالَ إِلَّا الْإِقَامَةَ

607- `Ali bin `Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Isma'il bin Ibrahim meriwayatkan kepada kami, katanya: Khalid meriwayatkan kepada kami daripada Abi Qilaabah daripada Anas bin Malik. Kata beliau: "Bilal diperintahkan agar mengumandangkan kalimat azan dengan genap (dua-dua kali) dan mengganjilkan iqamat." Isma'il berkata: "Aku sebutkan masalah ini kepada Ayyub, dia lantas berkata: "Kecuali ucapan iqamat; 'Qad qaamatish shalah' (shalat telah dikumandangkan).

٤- بَابُ فَضْلِ التَّأْذِينِ

4- Bab Keutamaan Mengumandangkan Azan.¹¹⁵³

sabda Baginda mengganjilkan iqamat itu? Adakah ia bermaksud menyebutkan kalimat-kalimatnya dengan ganjil yang boleh merangkumi satu kali, tiga kali, lima kali dan seterusnya? Bukhari menjawab, tidak. Apa yang dimaksudkan oleh Baginda s.a.w. ialah menyebutkan setiap kalimatnya hanya satu-satu kali sahaja. Kecuali kalimat iqamat iaitu 'Qad qaamatish shalah'. Kerana ia disebut dua kali. Kalau 'Qad qaamatish shalah' ini sahaja dikecualikan dan disuruh Nabi s.a.w. Bilal mengucapkannya dua kali, bererti yang lain-lain semuanya hendaklah diucapkan sekali-sekali sahaja. Itulah yang difahami Bukhari daripada hadits ini. Sebabnya 'Qad qaamatish shalah' diulang dua kali kerana memang itupun maksud iqamat sebenarnya. (2) Dengan tajuk bab ini juga Imam Bukhari menolak dan mengkritik secara halus pegangan Imam Malik dan Abu Hanifah dan orang-orang yang sependapat dengan mereka dalam masalah ini. Malik berpendapat kalimat-kalimat iqamat perlu diganjilkan semua sekali. Maksud mengganjilkan (إيتار) bagi beliau ialah menyebutkan sekali-sekali sahaja setiap kalimatnya. Termasuk kalimat takbir di permulaannya dan ucapan 'Qad qaamatish shalah' di tengahnya. Bagi Bukhari yang dikecualikan berdasarkan zahir hadits ini hanyalah 'Qad qaamatish shalah'. Ia sahaja yang diucapkan dua kali. Abu Hanifah pula berpendapat, kalimat iqamat sama saja dengan kalimat azan. Malah ia lebih panjang daripada azan apabila diambil kira dua kali ucapan 'Qad qaamatish shalah'. Hadits ini bagi Bukhari bercanggah dengan pendapat mereka.

¹¹⁵³ Kesesuaian hadits 608 ini dengan tajuk babnya terletak pada larinya syaitan apabila mendengar azan. Kalau azan tidak mempunyai keutamaan dan kelebihan yang besar, tentulah ia tidak menyakiti syaitan dan tidak akan membuatnya lari sejauh mungkin. Apabila ada kelebihan azan, maka adalah juga kelebihan orang yang mengumandangkannya. Maksud Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan kelebihan dan keutamaan mu'azzin. Ini dapat

٦٠٨- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ أَبِي الزِّنَادِ عَنْ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ أَذْبَرَ الشَّيْطَانُ وَلَهُ ضُرَاطٌ حَتَّى لَا يَسْمَعَ التَّأَذِينَ فَإِذَا قَضَى الدَّاءَ أَقْبَلَ حَتَّى إِذَا تَوَبَّ بِالصَّلَاةِ أَذْبَرَ حَتَّى إِذَا قَضَى التَّوْبَةَ أَقْبَلَ حَتَّى يَخْطُرَ بَيْنَ الْمَرْءِ وَنَفْسِهِ يَقُولُ ادْكُرْ كَذَا ادْكُرْ كَذَا لِمَا لَمْ يَكُنْ يَذْكُرُ حَتَّى يَظَلَّ الرَّجُلُ لَا يَذْكُرُ كَمْ صَلَّى

608- `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Abi Az-Zinad dari Al-A`raj daripada Abi Hurairah, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Apabila azan dikumandangkan, larilah syaitan sambil mengeluarkan kentut supaya ia tidak mendengar suara azan.¹¹⁵⁴ Apabila azan telah

dikesan daripada tajuk bab: بَابُ فَضْلِ التَّأَذِينَ yang dibuat beliau. Tetapi sedikit kemusykilan timbul di sini apabila zahir hadits hanya menunjukkan kelebihan azan itu sendiri, bukan kelebihan orang yang melaungkannya. Jawapannya ialah apabila telah terbukti ada kelebihan azan, dengan sendirinya orang yang melaungkannya juga mempunyai kelebihan dan keutamaan. Mungkin juga Bukhari bermaksud mengisyaratkan kepada hadits-hadits lain tentang kelebihan dan keutamaan mu`azzin. Walaupun ada antaranya yang sahih, namun oleh kerana ia tidak menepati syarat beliau, maka diisyaratkan sajalah kepadanya. Ini juga sebenarnya merupakan salah satu metodologi Bukhari dalam penyusunan kitab Sahihnya. Antara hadits yang dengan jelas menunjukkan kelebihan mu`azzin ialah: (1) Hadits riwayat Abu Hurairah, Mu`aawiah dan lain-lain sahabat daripada Rasulullah s.a.w. bahawa Baginda telah bersabda: الْمُؤَذِّنُونَ أَطْوَلُ النَّاسِ أَعْنَاقًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ Bermaksud: “Para mu`azzin adalah manusia yang paling panjang tengkuknya pada hari kiamat nanti.” (Hadits riwayat Muslim, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan, Abu `Awaanah, at-Thahaawi, Ibnu Abi Syaibah, al-Baihaqi dan lain-lain). (2) Hadits riwayat Abu Hurairah, kata beliau: Aku mendengar dari mulut Rasulullah s.a.w. bahawa Baginda s.a.w. bersabda: عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ سَمِعْتُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ الْمُؤَذِّنُ يُغْفَرُ لَهُ مَدَى صَوْتِهِ وَيَسْتَعْفِرُ لَهُ كُلُّ رَطْبٍ وَيَأْبِسُ وَشَاهِدُ الصَّلَاةِ يُكْتَبُ لَهُ خَمْسٌ فِي رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعِشْرُونَ حَسَنَةً وَيُكَفَّرُ عَنْهُ مَا بَيْنَهُمَا Bermaksud: Mu`azzin akan diampuni sejauh suara azan yang dikumandangkannya dan setiap yang basah dan yang kering akan meminta ampun untuknya. Orang yang menghadhiri shalat jama`ah (pula) akan dituliskan baginya dua puluh lima kebaikan dan dosa antara dua shalat (fardhu) yang dilakukannya akan dihapuskan. (Hadits riwayat Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan, Abu Daud at-Thayaalisi di dalam Musnadnya dan lain-lain).

¹¹⁵⁴ Yang dimaksudkan dengan syaitan di sini boleh jadi iblis sendiri atau makhluk syaitan dari jenis jin. Menurut Qadhi `Iyaadh, syaitan terkentut boleh dipakai dengan ma`na sebenar atau dengan ma`na majazinya. Dalam ma`na majazi ia bererti sangat benci. Boleh juga ia dipakai mengikut bahasa kinayah. Terkentut bererti menyibukkan diri dengan sesuatu hingga tidak mendengar suara mu`azzin. Menurut Ibnu al-Jauzi, kalimat-kalimat azan itu begitu hebat dan menakutkan syaitan-syaitan sehingga mereka terkentut-kentut apabila mendengarnya. Sesetengah `ulama` pula berkata, oleh kerana azan adalah seruan kepada shalat dan di dalam shalat ada sujud, syaitan terkenangkan nasibnya yang malang. Kerana tidak menurut perintah Allah supaya sujud

selesai, ia datang kembali sehingga iqamat dikumandangkan. Setelah itu ia kembali lagi,¹¹⁵⁵ lalu menyelinap masuk ke dalam hati seseorang seraya berkata, “Ingatlah ini dan itu” kepada sesuatu yang ia tidak ingat.¹¹⁵⁶ Dan terus saja ia melakukan godaan ini hingga seseorang tidak menyadari berapa raka'at sudah dia kerjakan dalam shalatnya.”

٥- بَابُ رُفْعِ الصَّوْتِ بِالتَّذَاءِ

وَقَالَ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ أَذِنَ أَذْنَا سَمَحًا وَلَا فَاعَزَلْنَا

kepada Adamlah ia dimurkai Allah. Itulah sebabnya apabila terdengar suara azan, ia lari sejauh-jauhnya sehingga azan tidak kedengaran lagi kepadanya. Sesetengah 'ulama' pula berpendapat, syaitan lari sejauh-jauhnya kerana tidak rela menjadi saksi yang menguntungkan mu'azzin di akhirat nanti, sesuai dengan apa yang tersebut di dalam hadits nabi bahawa segala-gala yang mendengar suara mu'azzin akan menjadi saksi kepadanya. Lihat hadits 609 selepas ini. Di dalam hadits Muslim disebutkan, syaitan lari hingga ke Rauhaa'. Rauhaa' terletak sejauh 36 batu dari Madinah. Di dalam hadits 608 ini disebutkan 'supaya ia tidak mendengar suara azan'. Apa yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. ini adakah illat bagi lari atau illat bagi terkentut? Walaupun kedua-duanya boleh diterima, tetapi menerimanya sebagai illat bagi lari lebih masuk akal. Meskipun pun sembahyang adalah ibadat yang paling utama, tetapi khasiat seperti ini tidak ada padanya. Kerana itu, setelah azan dan iqamat selesai, ia dapat menghampiri orang yang bersembahyang dan dapat mengganggunya dengan berbagai-bagai godaan dan bisikan jahat. Ini juga dari satu segi menunjukkan kelebihan azan dan iqamat berbanding ibadat-ibadat yang lain.

¹¹⁵⁵ Setelah selesai tatswib, ia datang kembali. Tatswib dalam istilah syari'at terpakai dalam tiga ma'na berikut: (1) Beri qamat setelah azan. (2) Mengucapkan *خير من النوم* dalam azan Subuh. (3) Mengajak orang pergi bersembahyang di antara azan dan iqamat dengan perkataan atau perbuatan tertentu. Menurut jumhur 'ulama', cara ketiga itu adalah bid'ah. Sesetengah 'ulama' mengharuskannya untuk shalat Subuh sahaja atau untuk orang-orang tertentu yang perlu diperingatkan sahaja.

¹¹⁵⁶ Sampai di sini Hafiz Ibnu Hajar mengemukakan satu kisah bahawa ada seorang terlupa sama sekali tempat ia menyimpan barang yang sangat berharga di dalam rumahnya. Dia mengadukan halnya kepada Imam Abu Hanifah dengan maksud mendapat petua daripada beliau untuk ingat kembali tempat menyimpan barang berharga yang telah dilupainya terus itu. Berpandukan hadits inilah Imam Abu Hanifah menyarankan kepadanya agar balik ke rumah dan bersembahyang sunat sepanjang malam dengan berusaha sehabis daya agar dapat khusyu' di dalam sembahyang sunat yang dikerjakan. Orang berkenaan pulang dan melakukan apa yang disarankan oleh Imam Abu Hanifah. Syaitan risau sekali dengan tindakan orang itu. Fikirnya, kalau orang ini bersembahyang sepanjang malam dengan penuh khusyu' begitu, tentu dalam satu malam saja dia akan menjadi seorang hamba yang rapat dengan Tuhannya. Maka cepat-cepatlah ia mengingatkan orang itu akan tempat simpanan barang berharganya. Setelah teringat di dalam sembahyangnya, orang berkenaan berhenti bersembahyang dan terus pergi ke tempat simpanan barang berharganya. Dia menemuinya dan mendapatinya tersimpan dengan baik di situ.

5- Bab Mengeraskan Suara Azan.¹¹⁵⁷

Kata 'Umar Bin 'Abdil 'Aziz: Laungkanlah Azan Dengan Betul Dan Bersahaja.

Kalau Tidak, Tak Payahlah Jadi Mu'azzin Kami.¹¹⁵⁸

٦٠٩ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي صَعَصَعَةَ الْأَنْصَارِيِّ ثُمَّ الْمَازِنِيِّ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ أَخْبَرَهُ أَنَّ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ قَالَ لَهُ إِنِّي أَرَاكَ تُحِبُّ الْغَنَمَ وَالْبَادِيَةَ فَإِذَا كُنْتَ فِي غَنَمِكَ أَوْ بَادِيَتِكَ فَأَذَنْتَ بِالصَّلَاةِ فَارْفَعْ صَوْتَكَ بِالنِّدَاءِ فَإِنَّهُ لَا يَسْمَعُ مَدَى صَوْتِ الْمُؤَذِّنِ حِينَ وَلَا إِنْسٍ وَلَا شَيْءٍ إِلَّا شَهِدَ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ قَالَ أَبُو سَعِيدٍ سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

¹¹⁵⁷ Tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan hikmat kenapa Nabi s.a.w. menyuruh mu'azzin mengeraskan suara ketika melaungkan azan. Hikmat yang disebutkan oleh Baginda s.a.w. sendiri di dalam hadits ini ialah supaya setiap yang mendengar suaranya, baik dari kalangan manusia, jin atau apapun, akan menjadi saksi kepadanya pada hari kiamat nanti. Selain itu azan juga merupakan syi'ar Islam yang mengisytiharkan kesaksian tentang aqidah tauhid dan kerasulan Muhammad. Maka elok sekalilah kalau ia dilaungkan dengan suara yang nyaring. Hikmat yang sama juga menghendaki mu'azzin menyumbatkan kedua jarinya ke dalam telinga, supaya kekerasan suaranya tidak didengarnya sendiri. Dengan mendengar suaranya perlahan sahaja, akan mendorongnya mengangkat suara lebih kuat.

¹¹⁵⁸ Atsar 'Umar bin 'Abdil 'Aziz ini pula dikemukakan untuk mengimbangi arahan mengangkat suara yang tersebut sebelumnya. Para 'ulama' berbeda pendapat dalam mentafsirkan kata-kata 'Umar bin 'Abdil 'Aziz ini. (1) Maksud beliau ialah mentafsirkan sabda nabi *فَارْفَعْ صَوْتَكَ بِالنِّدَاءِ* 'Umar bin 'Abdil 'Aziz ini. (1) Maksud beliau ialah mentafsirkan sabda nabi yang tersebut di dalam hadits 609 di atas, bahawa ia bukanlah bererti mengangkat suara sehingga suara jadi serak atau tekak jadi kering sampai terbatuk-batuk. Janganlah hendaknya azan membuatkan seseorang mu'azzin begitu penat. (2) Kata al-'Aini, Beliau tidak melarang mengangkat suara. Yang dilarang beliau ialah berlagu secara berlebihan-lebihan. Tafsiran ini ada sokongannya di dalam Mushannaf Ibnu Abi Syaibah. Begini teksnya: *حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ سُفْيَانَ عَنْ عُمَرَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّ مُؤَذِّنًا أَذَّنَ فَطَرَبَ فِي أَذَانِهِ فَقَالَ لَهُ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَدَاْنَا سَمْعًا وَإِلَّا فَاغْتَرَلْنَا* Bermaksud: Ada seorang mu'azzin melaungkan azan dengan berlagu secara berlebihan-lebihan, maka 'Umar bin 'Abdil 'Aziz berkata kepadanya: "Laungkanlah azan dengan betul dan bersahaja. kalau tidak, tak payahlah jadi mu'azzin kami." Sebabnya beliau tidak suka azan dengan berlagu secara berlebihan-lebihan begitu kerana ia menyalahi Sunnah. (3) Kata ad-Daudi, barang kali mu'azzin berkenaan tidak pandai menarik suaranya ketika azan.

Kata-kata 'Umar bin 'Abdil 'Aziz ini sama sekali tidak bererti azan tidak boleh dilagukan langsung. Kedudukannya sama seperti al-Qur'an. Kalau al-Qur'an boleh dilagukan, malah dituntut supaya dilagukan, begitulah juga dengan azan. Yang dilarang sebenarnya ialah lagu yang berlebihan-lebihan atau mengikut irama yang tidak secocok dengan kehendak tartil dan tajwid.